



## SOALAN-SOALAN LAZIM

Dikemaskini pada Mei 2023



**S1.** Bagaimanakah cara mendaftar sebagai pembekal Kumpulan Hong Leong Bank?

**J1.** Anda dikehendaki log masuk ke [www.hlb.com.my/procurement](http://www.hlb.com.my/procurement) untuk daftar diri sebagai pembekal secara dalam talian untuk menjalani proses kelayakan pembekal.

**S2.** Apakah dokumen/maklumat yang diperlukan bagi Pendaftaran Pembekal Dalam Talian?

**J2.** Sila pastikan segala dokumen/maklumat telah disediakan terlebih dahulu sebelum daftar diri pembekal dalam talian.

- Borang 9/Perakuan Pemerbadanan Syarikat Persendirian
- Borang 24/Penyata Perumpukansyer
- Borang 49/Penyata butir-butir dalam daftar Lembaga Pengarah, Pengurus & Setiausaha dan perubahan butir-butir
- Dokumen Sokongan Tambahan (Borang 32A, Borang 13, M&A, Profil Syarikat, Persijilan ISO atau apa-apa persijilan Kualiti yang lain, Surat Kelulusan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)).
- Laporan Tahunan Beraudit dan Penyata Kewangan 2 tahun terakhir atau penyata bank terkini selama 3 bulan.
- Borang Pengisytiharan Pihak Berkaitan (Sila muat turun templat borang tersebut dan muat naik borang yang telah dilengkapkan)
- Borang Pengisytiharan & Komitmen Anti Rasuah dan Korupsi (Sila muat turun templat borang tersebut dan muat naik borang yang telah dilengkapkan)
- Gabungan Soal Selidik VDD ((Sila muat turun templat borang tersebut dan muat naik borang yang telah dilengkapkan)

- S3. Bagaimana jika saya tidak dapat menyerahkan pendaftaran pembekal dalam talian pada sekali percubaan?**
- J3.** Klik butang “Save for Later” jika permohonan pendaftaran tidak dapat diserahkan untuk kelulusan pada satu masa. Emel akan dihantar kepada alamat emel yang diberikan untuk sambung proses pendaftaran.
- S4. Apakah langkah seterusnya selepas pendaftaran diserahkan dalam talian?**
- J4.** Anda akan menerima emel selepas permohonan disemak. Setelah maklumat anda disahkan dan diluluskan, profil syarikat anda akan terpapar dalam portal e-perolehan kami. Oleh sebab banyaknya pertanyaan yang diterima maka anda TIDAK akan dihubungi sehingga kecuali pegawai profesional belian kami memadankan salah satu keperluan kami yang ada semasa ini dengan apa yang anda tawarkan.
- S5. Perlukah saya mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan Kumpulan Hong Leong Bank bagi tujuan pembayaran?**
- J5.** Ya, anda dikehendaki mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan dengan Hong Leong Bank atau Hong Leong Islamic Bank.
- S6. Bagaimana saya boleh tahu jika syarikat saya telah memperoleh kontrak kerja daripada Kumpulan Hong Leong Bank?**
- J6.** Pembekal yang berjaya akan dimaklumkan oleh pihak Perolehan Kumpulan melalui emel.

Dokumen ini adalah hak milik HLBB/ HLISB dan dianggap sulit. Tiada bahagian di dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa bentuk ataupun cara, termasuk mekanikal, elektronik, fotokopi, rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan HLBB / HLISB.

- S7. **Apakah jenis-jenis tender yang digunakan oleh Kumpulan Hong Leong Bank?**
- J7. Tender dikeluarkan sama ada secara tender tertutup atau tender terbuka menerusi serahan sebut harga atau e-pembidaan melalui Portal e-Perolehan kami: PtoP@HLB. Pihak Perolehan Kumpulan menilai pendekatan paling sesuai dengan pasaran demi memperoleh hasil nilai yang maksimum.
- Bagi Tender Tertutup, bilangan Pembida yang dipanggil adalah terhad kepada sebilangan kecil yang terpilih yang dianggap mampu memenuhi keperluan tender. Tender terbuka adalah proses e-pembidaan terbuka kepada orang ramai yang memenuhi syarat kelayakan.
- S8. **Bagaimana jika saya perlu menukar anggota hubungan utama atau mengemaskini profil syarikat?**
- J8. Log masuk ke Portal e-Perolehan kami → klik “Supplier Portal” → “Company Profile” → “Manage Profile” untuk mengedit dan mengemaskini maklumat profil Pembekal yang sedia ada. Sesudah itu semak balik pertukaran yang dibuat dan serahkan untuk kelulusan.
- S9. **Saya telah membaca Soalan-soalan Lazim, namun saya masih ada soalan. Adakah sesiapa lagi yang boleh saya hubungi?**
- J9. Jika anda masih ada lagi soalan yang hendak ditanya selepas membaca Soalan-soalan Lazim ini, sila hubungi kami di [GPAhelpdesk@hlbb.hongleong.com.my](mailto:GPAhelpdesk@hlbb.hongleong.com.my) sertakan nama anda, nama syarikat anda dan nombor telefon berserta dengan soalan yang hendak ditanya.